

Alasan penat tak boleh diterima: Subahan

PRESIDEN Konfederasi Hoki Malaysia (KHM), Datuk Seri Subahan Kamal jelas tidak berpuas hati dengan persembahan hambar skuad negara yang tewas dalam kesemua empat perlawanan pada Kejohanan Ujian Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang berakhir di Tokyo kelmarin.

Beliau berkata, masalah kepenatan setelah kembali daripada Jelajah Eropah baru-baru ini merupakan satu alasan yang tidak boleh diterima memandangkan pengendali skuad negara, Roelant Oltmans telah menggunakan tujuh muka baharu di Tokyo.

Justeru, beliau telah meminta Oltmans untuk menurunkan barisan terbaik apabila beraksi dalam beberapa aksi persahabatan di Korea Selatan bulan depan sebelum mengharungi pusingan kelayakan Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang dijangka berlangsung antara Oktober dan November depan.

“Saya tidak begitu gembira dengan keputusan ini (kalah kesemua empat perlawanan),” katanya selepas merasmikan majlis penutupan Program Tiga Nadi anjuran Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) kelmarin.



SUBAHAN

Untuk rekod, *Malaysian Tigers* tewas kepada pasukan ranking kelima dunia, India dengan keputusan 6-0; Jepun (1-3) sebelum tumpas dengan jarangan sama (1-3) kepada pasukan ranking kelapan dunia, New Zealand pada aksi terakhir.

Skuad negara menamatkan cabaran di tangga tercorot daripada empat pasukan yang bertanding setelah diaibkan dengan kekalahan 1-6 kepada Jepun pada aksi penentuan ketiga/keempat di Stadium Hoki Oi kelmarin.

Sebelum ke Tokyo, *Malaysian Tigers* berkela-na ke Eropah selama tiga minggu, dengan menyertai sembilan perlawanan yang menyaksikan mereka mencatat tiga kemenangan, satu keputusan seri dan lima kekalahan.